

TARIKH	31/10/2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	60	RUANGAN	Bisnes

Kuala Lumpur: MAYBANK Islamic Berhad dan dua bank Islam negara asing menandatangani satu perjanjian dengan Lembaga Tabung Haji (TH) bagi menyediakan kemudahan pembiayaan bernilai kira-kira RM1.2 bilion (€225) juta untuk pelaburan merentas sempadan di United Kingdom.

Ini adalah kerjasama pertama membabitkan mata wang negara itu oleh bank Islam tempatan menyasarkan hubungan korporat dengan salah satu pusat kewangan terkemuka dunia.

TH terima kemudahan pembiayaan

Dokumen ditandatangani Ketua Pegawai Eksekutifnya Muzaffar Hisham dan Pengerah Urusan TH Datuk Paduka Ismee Ismail disaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak pada Forum Ekonomi Islam Dunia (WIEF), baru-baru ini.

Selain MAYBANK, dua lagi entiti adalah Standard Chartered Saadiq and OCBC Al Amin.

Muzaffar berkata, keputusan itu dibuat dalam usaha membolehkan pihaknya

menambah baik kedudukan dalam penawaran penyelesaian kewangan Islam, sekaligus mengunjurkan untuk menguasai segmen berkenaan yang mana dilihat sejajar dengan pelan sektor kewangan Bank Negara Malaysia mengantarabangsakan kewangan Islam.

Dalam perkembangan sama, bersempena WIEF, MAYBANK Islamic Berhad melancarkan mata wang asing syariah pertama berdasarkan hartanah London

dalam memenuhi gadai janji bagi pasaran runcit di negara berkenaan.

Beliau berkata, ini adalah langkah ketara untuk menjadi penyedia perkhidmatan kewangan sejagat utama menjelang 2015 yang mana ia mampu meningkatkan rangkaian kumpulan di peringkat global dan mendapat sokongan Bank Negara Malaysia (BNM).

"Kewangan Islam mempunyai keupayaan dalam membuka demografi ter-

tentu selain menjadi sumber modal dalam aliran tunai dan dana di pasaran Islam. Ia adalah pendorong utama perdagangan antara Asia Tenggara, Timur Tengah dan Eropah terutama London," katanya.

MAYBANK Islamic Berhad adalah bank Islam terbesar negara yang memegang 20 peratus pegangan pasaran dan pemain industri utama di Asean berdasarkan aset bernilai hampir RM64 bilion pada September 2011.